

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SARAVANAN A/L MURUGAN
[TAPAH]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 8

DATUK SERI SARAVANAN A/L MURUGAN [TAPAH] minta **MENTERI PENDIDIKAN** melaporkan keputusan Jawatankuasa Pemerkasaan TVET yang diharapkan dapat memberi impak positif dalam menangani isu pertindihan sistem pendidikan, pensijilan, kekangan dana pembangunan serta ketidaktentuan nasib graduan Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia (TVET).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status terkini Jawatankuasa Pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Malaysia (JKPTVET) adalah seperti berikut:

1. Pihak kementerian telah mengambil inisiatif menubuhkan Jawatankuasa Pemerkasaan TVET pada 21 Jun 2018 bertujuan menyediakan satu laporan bagi menangani isu-isu pemerkasaan TVET merentas kementerian. Justeru, satu laporan Jawatankuasa Pemerkasaan TVET telah disediakan dan telah dikemukakan kepada YB Menteri Pendidikan pada 31 Julai 2019 hasil daripada input dan maklumbalas pemegang taruh (industri, ibu bapa, penyedia TVET Awam, kementerian/agensi berkaitan TVET) semasa Sesi Town Hall di 6 zon.

Laporan ini berfokus kepada kepada lima pemacu utama dalam memartabatkan pembangunan TVET dalam arus perdana. Penyelarasan dan rasionalisasi tersebut merangkumi tadbir urus terselaras, program berkualiti tinggi, TVET dipacu industri, pembiayaan yang mampan dan pilihan utama (*preferred choice*) yang memberikan kesan yang signifikan kepada prestasi ekonomi negara dan perkembangan TVET pada masa hadapan.

2. Menyedari kepentingan TVET kepada pembangunan negara dan keperluan satu usaha bersepadu dilakukan maka Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang pada 14 Ogos 2019 telah memberi mandat penubuhan **Jawatankuasa Kabinet Pemerkasaan TVET (JKKPTVET)** untuk memperkasa sistem dan institusi TVET merentasi sembilan kementerian. Tujuan JKKPTVET berperanan sebagai badan penasihat kepada kerajaan dalam hal-hal berkaitan pembangunan aliran TVET negara. Walau bagaimanapun, Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri, berpandangan bahawa Jawatankuasa Kabinet Pemerkasaan TVET merupakan permulaan kepada penubuhan satu badan penyelaras bagi semua kementerian.

3. Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pemerkasaan TVET telah bersidang untuk kali pertama pada 23 Ogos 2019 telah memperakukan beberapa syor yang dicadangkan dalam Laporan Jawatankuasa Permerkasaan TVET, antaranya:

- a. Penubuhan Badan Penyelaras TVET Negara
- b. Model Pembiayaan yang mampan
- c. Model Pemilikan Bersama dengan industry
- d. Perkasaan Persijilan TVET (Industri)
- e. Penjenamaan TVET Kebangsaan Tunggal.

Sekian, terima kasih.